

02 JAN 2000

Naib-Rais

UMNO CHERAS AKAN CALONKAN RAIS YATIM SEBAGAI NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Umno Bahagian Cheras akan mencalonkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim untuk bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan Umno akan datang.

Ketuanya Syed Ali Alhabshee berkata keputusan itu hasil rundingan barisan pimpinan bahagiannya setelah Dr Rais sendiri menyatakan hasrat untuk bertanding mengisi satu daripada tiga jawatan tersebut.

Menurutnya keputusan itu dibuat berdasarkan komitmen dan kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap Dr Rais mewakili Barisan Nasional bertanding dalam pilihan raya Parlimen kawasan Jelevu dan pelantikannya semula ke dalam barisan kabinet.

"....Jelas bahawa Dr Mahathir sendiri mahukan orang seperti Dr Rais," kata Syed Ali dalam satu kenyataan hari ini.

Umno Bahagian Cheras merupakan bahagian pertama akan mencalonkan Dr Rais untuk jawatan naib presiden. Bekas Timbalan Presiden parti Semangat 46 yang telah dibubarkan itu semalam berkata beliau sedia bertanding jawatan tersebut jika dicalonkan.

Syed Ali berkata Umno Cheras akan mencalonkan Dr Rais kerana mahu "kekosongan" dua jawatan Naib Presiden diisi berikutan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Mohamad Taib masih bercuti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik menjalankan tugas timbalan presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Muhammad dilaporkan berkata beliau sedang membuat pertimbangan untuk bertanding jawatan tersebut. Abdullah setakat ini belum menyatakan sama ada mempertahankan jawatan naib presiden atau bertanding jawatan timbalan presiden.

Anggota Majlis Tertinggi Umno dan Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar telah menyatakan beliau sedia bertanding jawatan naib presiden manakala Tan Sri Muhyiddin Yassin dikatakan juga sedang membuat pertimbangan.

Syed Ali berkata Umno Bahagian Cheras juga menyokong cadangan supaya pemilihan Umno yang dijadualkan bulan Jun akan datang diadakan lebih awal bagi mengurangkan 'politiking' dalam parti itu.

Beliau juga menyarankan agar calon-calon tidak berkempen kerana bahagian-bahagian Umno boleh menilai prestasi dan komitmen orang yang dicalonkan.

Di Negeri Sembilan, Ketua Umno Bahagian Jelevu Yunus Rahmat hari ini mengumumkan bahawa Umno Bahagian Jelevu akan juga mencalonkan Rais sebagai naib presiden Umno.

Katanya pencalonan Rais yang merupakan anak watan Jelevu adalah berdasarkan kredibiliti dan kebolehan beliau yang cemerlang.

"Umno Bahagian Jelevu juga akan mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Bawadi untuk jawatan presiden dan timbalan presiden," katanya.

-- BERNAMA

zs zb rp mai